



Selasa, 21 Jun 2016
UNTUK SIARAN SEGERA

**KENYATAAN MEDIA
OLEH YB DATO' SRI LIOW TIONG LAI
MENTERI PENGANGKUTAN, MALAYSIA**

**Liow: Pandangan Malaysia Amat di Alu-alukan
di Forum Kereta Api Antarabangsa**

Penglibatan Malaysia dalam Forum Kerjasama & Pembangunan Kereta Api yang telah diadakan di Beijing, China pada 20 Jun 2016 merupakan satu penghormatan bagi negara. Forum yang dianjurkan bersempena dengan *Modern Railways 2016* telah dihoskan oleh China Railway selaku tuan rumah. Pada majlis ini, saya telah berpeluang untuk bertemu dengan Tuan Yang Terutama Yang Chuantang, Menteri Pengangkutan China dan Lu Chunfang, Timbalan Pengurus Besar China Railway.

Dengan penglibatan hampir 200 peserta dari seluruh dunia, acara ini merupakan acara kereta api yang terbesar di Asia Pasifik yang menampilkan teknologi terkini kereta api dari segi sistem, peralatan dan pelbagai aspek lagi. Acara ini membawa pemimpin dan pemain industri serta pembuat polisi dari China, Eropah, Amerika Syarikat, dan sudah tentunya Malaysia dalam satu platform yang memberi fokus khusus kepada sektor kereta api.

Berdasarkan prospek yang memberangsangkan dalam sektor kereta api di ASEAN dan Malaysia, forum ini adalah tepat pada masanya. Infrastruktur pengangkutan merupakan pemacu utama ekonomi ASEAN, dan perbelanjaan bagi pembangunan infrastruktur kereta api di ASEAN sahaja dijangka akan mencecah kira-kira USD119 bilion pada tahun 2020.

Sektor kereta api negara kita adalah salah satu sektor yang berpotensi tinggi, dan Kerajaan Malaysia komited untuk memacu pertumbuhan berterusan dalam sektor ini. Oleh itu, RM160 bilion telah diperuntukkan ke arah pembangunan landasan kereta api baru, termasuk projek MRT, lanjutan jajaran LRT, serta Projek Landasan Berkembar Elektrik yang menghubungkan Negeri Sembilan ke Johor.

Tambahan lagi, projek Keretapi Berkelajuan Tinggi Malaysia – Singapura (HSR) juga merupakan suatu prospek yang besar. Projek HSR adalah selaras dengan inisiatif *Singapura – Kunming Rail Link* (SKRL) yang bakal menghubungkan negara-negara ASEAN dengan China sebagai sebahagian daripada inisiatif *One Belt One Road*. Inisiatif berskala besar seperti ini pastinya akan memberi manfaat yang berfaedah kepada Malaysia.

[TAMAT]